

Bunyi-bunyi Asing

Daripada bunyi-bunyi yang ada dalam bahasa Melayu, memang terdapat pinjaman daripada bahasa-bahasa Arab, Inggeris dan sanskrit.

Daripada bahasa **Sanskrit**, kita dapati bunyi seperti /sy/ dan /sw/ seperti dala perkataan *syurga*, *swadaya*, *swasta*, *swalayan* dan *swasenyawa*.

Daripada bahasa Arab dan Parsi terpahat pula, terdapat bunyi-bunyi seperti dalam jadual di bawah. Bunyi /sy/ yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit diperteguh dengan meminjamnya daripada bahasa Arab dan Parsi pula.

Bunyi	Contoh Perkataan
/sy/	syarikat, syamsiah, syarak, isyarat, isyak
/kh/	khabar, khadam, khas, bakhil, tarikh
/gh/	ghairah, ghalib, ghazal, maghrib
/f/	fakir, fitrah, tafsir, tafahus, mualaf
/dh/	darab, darurat, kadi, fardu, haid (bunyi ini dilambangkan dengna huruf d)
/z/	zalim, zaman, wazir
/th/	sabit, selasa, isnin, misal, hadis (disebut sebagai `s')
/q/	qari, qadim, furqan

Daripada bahasa Inggeris (atau bahasa-bahasa Eropah lain) bahasa Melayu telah meminjam bunyi-bunyi seperti berikut (lihat jadual):

Bunyi	Contoh Perkataan
/f/	fasa, fokus, kafe, sofa lif, staf
/v/	vaksin, vakum, novel, televisyen
/sy/	syampu, syif, televisyen, kusyen
/z/	zip, zon, dozen, gazet